

# UMS terus kerjasama bantu Palestin, Syria

BH 29.4.2014 12

**Kota Kinabalu:** Universiti Malaysia Sabah (UMS) akan terus bekerjasama dengan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) seperti Aman Palestin bagi meningkatkan kesedaran mahasiswa untuk membantu rakyat Palestin dan Syria yang menderita akibat perang.

Timbalan Naib Canselor, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Prof Madya Datuk Kasim Md Mansur, berkata penyertaan mahasiswa dalam aktiviti sukarelawan terutama membabitkan isu kemanusiaan, akan menjadikan mereka lebih prihatin dan menghargai perpaduan negara.

## Mahasiswa prihatin

Sehubungan itu, katanya, kerjasama antara Sekretariat Rukun Negara (SRN) UMS dengan Aman Palestin Cawangan Sa-

bah berupaya menjadikan mahasiswa lebih prihatin untuk membantu misi kemanusiaan di Palestin dan Syria.

## Jadi program utama

"Saya harap kerjasama antara sekretariat ini dengan Aman Palestin cawangan Sabah dalam menganjurkan karnival ke arah membantu rakyat Palestin dan Syria akan dijadikan program utama universiti.

"Pada masa sama, program ini mampu meningkatkan kesedaran mahasiswa mengenai pentingnya perpaduan dalam kalangan rakyat pelbagai kaum dan agama di negara ini," katanya ketika merasmikan penutup Program 1Sukarelawan, 1Tabung Karnival Amal Perpaduan untuk Palestin dan Syria, di sini, malam kelmarin.



*Pengarang Keluaran Khas BH, Minarni Mat Saad (enam dari kiri) bersama pelajar dan kakitangan pada Program 1Sukarelawan 1 Tabung Karnival Amal Perpaduan untuk Palestin dan Syria, di UMS, semalam.*

[FOTO IZHARI ARIFFIN/BH]

Teks ucapan beliau dibacakan Penolong Pendaftar Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UMS, Kim Asbiyallah Shah Akim.

Turut hadir, Pembantu Pengurus Aman Palestin Cawa-

ngan Sabah, Nurti Kinta.

Pelbagai aktiviti diadakan sekitar UMS sempena program seminggu itu termasuk kutipan derma, larian amal dan pertandingan melukis poster.